

26.2.2021

KENYATAAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

KUARI TERLETAK DI LUAR KAWASAN TADAHAN AIR TELUK BAHANG

- **Air hujan atau air dari kuari tidak dapat mengalir mendaki bukit ke Empangan Teluk Bahang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 26.2.2021: Operasi kuari di Teluk Bahang tidak menjejaskan kualiti dan kuantiti air mentah di Empangan Teluk Bahang.

Pada 24.2.2021, beberapa akhbar Mandarin memetik MCA Pulau Pinang yang menyatakan bahawa terdapat aktiviti kuari haram di Teluk Bahang dan kuari tersebut sangat dekat dengan Empangan Teluk Bahang. Dalam laporan akhbar tersebut, seorang jurucakap MCA Pulau Pinang juga dipetik sebagai berkata bahawa “permukaan air di Empangan Teluk Bahang sangat rendah” dan bahawa aktiviti kuari mungkin telah menjejaskan paras simpanan dan kualiti air empangan.

Oleh itu, saya ingin menjelaskan perkara berikut:

- Kuari ini terletak di luar kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang. Oleh itu, kewujudan dan operasi yang didakwa itu tidak memberi kesan, mengancam atau menjejaskan kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang atau kualiti air mentah dalam apa juga cara.
- Kuari ini terletak kira-kira 50 meter di bahagian bawah kawasan bukit sempadan tadahan air Teluk Bahang. Hukum fizik menetapkan bahawa air hujan atau air dari kuari tidak boleh mengalir secara mendaki bukit ke Empangan Teluk Bahang.
- Paras kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang yang rendah yang dilaporkan pada tahun 2020 tiada kaitan dengan aktiviti kuari.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Sebab utama fenomena luar biasa ini adalah hujan yang berkurangan dalam tempoh 12 bulan dari 1.8.2019 hingga 31.7.2020. Dalam tempoh ini, jumlah hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan air Empangan Teluk Bahang adalah 4,466 mm atau 30.3% lebih rendah daripada purata hujan 6,411 mm untuk tempoh 3 tahun yang sama bagi tahun 2017, 2018 dan 2019.

Fakta dan angka mengenai kapasiti empangan yang rendah di Pulau Penang pada tahun 2020 telah dimaklumkan oleh PBAPP dalam lebih daripada 10 siaran media pada tahun 2020 dan dikongsi dengan rakyat Pulau Pinang melalui laporan media sepanjang tahun.

- Kualiti air terawat yang dibekalkan dari Empangan Teluk Bahang lebih baik daripada piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dalam Program Jaminan Kualiti (QAP).

Oleh itu, kami memohon kerjasama MCA Pulau Pinang dan jurucakapnya untuk berhenti membuat tuduhan dan sindiran tidak berasas. Kegiatan kuari tidak mempengaruhi operasi kejuruteraan bekalan air, kuantiti dan kualiti bekalan air dari Empangan Teluk Bahang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my